

JANGAN JADI HAMBA TEKNOLOGI

Oleh: Nur Liyana binti Nordin, 1171750,

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan Islam (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 28 July 2020



Dewasa ini, perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi tersebar dengan sangat pantas di seluruh pelosok dunia.

Rakyat Malaysia terutamanya golongan muda yang menggunakan teknologi dalam kehidupan seharian menjadikan peranti elektronik sebagai satu keperluan dan bukan lagi kehendak.

Penggunaan teknologi bukan sekadar untuk golongan yang sedang belajar atau sudah bekerja, malah menjadi fenomena biasa kepada semua golongan masyarakat.

Dalam pada itu, jika dilihat fenomena terkini, rata-rata golongan remaja khususnya begitu taksud dengan penggunaan teknologi lebih-lebih lagi peranti elektronik.

Lebih menyedihkan apabila didapati golongan tersebut ketagih bermain permainan video yang sehingga menjadikan mereka kelihatan seperti menjadi hamba kepada peranti elektronik.

Masakan tidak, semasa makan malam bersama-sama keluarga pun mereka tetap bermain peranti elektronik.

Malah, golongan ini sanggup mengorbankan masa tidur mereka hanya untuk bermain permainan video yang digemari.

Isu ini menjadi lebih ketara apabila didapati penggunaan kemudahan teknologi secara berlebihan boleh mengancam nyawa.

Media di seluruh dunia pernah melaporkan tentang beberapa kejadian berkaitan kesan buruk permainan video termasuk insiden yang menyebabkan kematian seorang remaja di Thailand pada 2019.

Selain itu, BH Online pada 2017 melaporkan pandangan Pensyarah Kanan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Hanina Halimatusaadiah yang menyatakan penggunaan peranti elektronik seperti telefon pintar, tablet dan televisyen secara berlebihan boleh menimbulkan kesan yang sama dengan ketagihan dadah.

Kebiasaannya, apabila seseorang terlalu asyik dengan permainan video, kelakuan mereka lebih agresif, pernafasan menjadi laju, kalenjar adrenalin dan dopamin meningkat. Kesannya sama seperti ketagihan kokaina.

Dapat dilihat dengan jelas bahawa masalah ketagihan peranti elektronik bukan sahaja memberikan kesan buruk kepada remaja, bahkan kepada keluarga dan masyarakat di sekeliling.

Tidak dinafikan bahawa kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi memberi banyak kemudahan kepada manusia.

Setiap urusan dan aktiviti harian yang dilakukan pasti tidak dapat lari daripada menggunakan telefon pintar dan komputer seperti berkomunikasi, jual beli dan menyiapkan tugas.

Namun, evolusi peralihan peranti elektronik tetap mempunyai kesan negatif jika masyarakat terlalu bergantung terhadap penggunaannya, terutamanya dalam kalangan remaja.

Hakikatnya, kemajuan teknologi dilihat semakin menghakis nilai murni dan budaya tempatan dalam kalangan masyarakat, terutamanya golongan remaja.

Menurut Sasterawan Negara, Datuk Dr. Zurinah Hassan, antara punca utama yang menyumbang kepada masalah penguasaan bahasa kebangsaan dalam kalangan remaja adalah disebabkan oleh penggunaan telefon pintar dan peranti elektronik lain tanpa kawalan.

Hal ini dikatakan demikian kerana keasyikan melayan telefon pintar menyebabkan mereka kurang bersosial, seterusnya gagal berkomunikasi dalam bahasa Melayu dengan baik.

Masalah ketaksuban golongan muda terhadap peranti elektronik tidak sewajarnya dibiarkan berpanjangan.

Kecanggihan teknologi sepatutnya digunakan untuk memberi manfaat kepada diri sendiri serta masyarakat dan bukan sebaliknya.